

Pembuangan undi di Raub berjalan lancar

RAUB, Sabtu — Pembuangan undi pilihanraya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri Bandar Raub berjalan lancar hari ini.

Seramai 13,451 penduduk layak mengundi dalam pilihanraya ini. Lapan belas buah pusat membuang undi telah ditentukan.

Shingga jam 12 tengah hari ini, kira-kira 8,170 pengundi atau 60.3 peratus keluar mengundi.

Sebahagian besar adalah orang ramai yang bekerja sendiri, sebahagian kecil sahaja kakitangan pejabat dan pekerja kilang.

Ditangkakan lebih ramai lagi akan keluar mengundi pada sebelah petang ini apabila mereka lebih lapang.

Alamat

Sebelum pagi tadi keadaan agak kelam-kabut sedikit apabila kira-kira 210 pengundi yang bekerja di luar kawasan Pekan Raub tidak dapat memastikan tempat pusat buang undi mereka.

Mereka dikatakan telah bertukar alamat, tetapi ini dapat diatasi dengan kerjasama pegawai-pegawai penyelaras pilihanraya di sini.

Pilihanraya kecil itu diadakan berikutan kematian Encik Tan Lewmat (barisan) 24 April.

Dalam pilihanraya kali dua calon bertanding, iaitu Encik Chua Hung Kim, 69 tahun, seorang ahli perniagaan dari Barisan Nasional dan Encik Lee Tuck Chee alias Llp Ah Kow, seorang wakil insurans dari Dap.

Pengurus pilihanraya ini, Encik Idris bin Haji Abdullah berkata, pusat buang undi di Bukit Fraser dan Kampung Melayu Sempalit ditutup jam 4 petang, manakala Ban-



● MENTERI Besar Pahang, Datuk Najib Tun Razak (dua kanan), Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional Raub, Dr Tan Tiong Hong (tengah) dan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, ketawa riang seolah-olah me-

dar Teras dan Teras Rest ditutup jam 5 petang dan lain-lain tempat ditutup jam 6 petang.

Lancar

Katanya, pengiraan undi jam 8 malam di kawasan Jubil Intan dan keputusannya akan di-

mumkan lewat tengah malam ini.

Polis diarah berjaga-jaga bagi memastikan pembuangan dan pengiraan undi itu berjalan lancar, katanya.

Tinjauan *Berita Minggu* mendapati pekerja-pekerja kedua buah parti Barisan dan

lupakan segala jurang perbezaan perjuangan politik mereka semasa melawat pusat-pusat mengundi dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Raub, semalam. — Foto Berita Minggu.

Dap masing-masing bekerja keras bagi menjamin kemenangan calon mereka dalam pilihanraya itu.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong yang juga Pengerusi Penyelaras jentera Pilihanraya Barisan Nasional Raub dan Timbalan

Menteri Penerangan, Encik Chan Siang Sang turut melawat ke pusat-pusat buang undi di sekitar pekerja-pekerja Barisan Nasional.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia